

# DBKL tahu banyak pemaju langgar syarat masa



SALLEH YUSUP

KUALA LUMPUR 11 Nov. - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyedari ada pemaju yang melanggar peraturan dengan melaksanakan kerja-kerja pembinaan selepas waktu yang ditetapkan.

Ketua Pengarah DBKL, Datuk Salleh Yusup berkata, pihaknya akan memantau dengan lebih kerap aktiviti pemaju terbabit memandangkan masalah berkenaan semakin kerap berlaku terutama di sekitar kawasan pinggir ibu negara.

Menurutnya, pemaju-pemaju yang melanggar peraturan berkenaan bakal dikenakan tindakan tegas oleh DBKL.

"Masalah pemaju yang menjalankan kerja-kerja pembinaan di luar waktu yang telah ditetapkan iaitu bermula pukul 8 pagi hingga 6 petang sering berlaku di banyak kawasan dan bukannya di Taman Melati sahaja,"

"Bagi mengatasi masalah ini, DBKL akan memberi notis amaran dan jika mereka masih berdegil, mereka akan diberi notis pemberhentian kerja serta-merta," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Salleh berkata, setakat ini, DBKL tidak membenarkan mana-mana pemaju menjalankan kerja-kerja pembinaan melebihi masa yang telah ditetapkan.

Bagaimanapun, jelasnya, sekiranya kawasan pembinaan tersebut di luar kawasan penempatan orang ramai, kerja-kerja pembinaan di luar waktu boleh dipertimbangkan.

"Sekiranya ses sebuah projek pembinaan dijalankan di kawasan komersial dan jauh daripada penempatan, maka DBKL sedia menimbangkan permintaan untuk kerja di luar waktu yang ditetapkan bagi mempercepatkan projek itu disiapkan."

"Namun sekiranya projek pembinaan berada berhampiran di kawasan penempatan, mereka tidak dibenarkan sama sekali menjalankan sebarang aktiviti pembinaan selepas pukul 6 petang," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, DBKL akan cuba mencari jalan penyelesaian terhadap aduan penduduk sebuah kondominium di Taman Melati apabila berhadapan dengan pemaju yang menjalankan kerja-kerja pembinaan di luar waktu yang ditetapkan sehingga mengganggu ketenteraman mereka.

"DBKL akan mengadakan perbincangan bersama-sama pemaju dan penduduk untuk menyelesaikan masalah terbabit dengan secepat mungkin."

"Saya harap penduduk bersabar dan pemaju perlulah mengikuti arahan yang telah ditetapkan sementara keputusan dicapai," ujarnya.